



**BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
PEKELILING PENGUATKUASAAN MPOB**

Rujukan Pekeliling Penguatkuasaan : Pk (EQ) MPOB 01/08  
Tarikh Kuatkuasa : 15 Mac 2008  
Perkara : Pelaporan Surat Bantahan  
(Protest Letter) secara elektronik

**1. TUJUAN**

Memaklumkan arahan pelaksanaan pelaporan Surat Bantahan (Protest Letter) secara elektronik.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Pelaporan setiap bantahan atau pertikaian mengenai pengukuran keluaran kelapa sawit kepada Lembaga adalah merupakan satu syarat lesen bagi pemegang lesen pengukuran keluaran kelapa sawit di bawah Peraturan 21 - Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005. Pelaporan ini hendaklah dikemukakan dalam tempoh masa 24 jam daripada masa ia dibuat dan mengemukakan suatu salinan dokumen bantahan atau pertikaian itu dalam tempoh tujuh hari dari tarikh dokumen itu.
- 2.2 Satu sistem pelaporan Surat Bantahan (Protest Letter) secara elektronik (*on-line*) telah dibangunkan dan boleh digunapakai mulai 15 Mac 2008.

**3. CARA PELAPORAN MAKLUMAT BANTAHAN**

- 3.1 Satu sistem pelaporan bantahan atau pertikaian mengenai pengukuran keluaran kelapa sawit kepada Lembaga secara elektronik (*on-line*) boleh dicapai melalui alamat internet <http://www.eqcmpob.com.my>
- 3.2 Melalui modul ini pelesen boleh membuat pelaporan bantahan dan menyertakan dokumen berkaitan secara elektronik (*on-line*).

**4. PEMAKAIAN**

Pekeliling Penguatkuasaan ini adalah terpakai kepada semua pelesen MPOB untuk kategori pengukuran keluaran kelapa sawit.



**BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
PEKELILING PENGUATKUASAAN MPOB**

**5. TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling Penguatkuasaan MPOB ini mula berkuatkuasa pada 15 Mac 2008.

**6. PENGESAHAN DAN KELULUSAN**

Surat pekeliling ini diluluskan oleh Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

**(DATO' DR. MOHD. BASRI WAHID)  
KETUA PENGARAH  
MPOB**

Tarikh :